



Pelan Strategik

2016 - 2020

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



Kata Alu-aluan Ketua Pengarah IKIM	4
Pengenalan	
Ringkasan Eksekutif	6
Latar Belakang IKIM	8
Struktur Organisasi	11
Fungsi	12
Punca Kuasa	12
Pihak Berkepentingan dan Pelanggan	13
HALA TUJU STRATEGIK	
Visi	
Misi	15
Gagasan	15
Nilai-nilai Bersama	16
Sasaran Kecemerlangan IKIM	17
	18
SENARIO PERSEKITARAN	
Cabaran Semasa dan Mendatang	20
STRATEGI & PELAN TINDAKAN	
Teras Strategik 1 – Penyelidikan dan Perundingan Bermanfaat Besar	23
Teras Strategik 2 – Kecemerlangan Program Akademik, Perundingan dan Latihan	28
Teras Strategik 3 – Penerbitan Karya Yang Bermutu Tinggi	33
Teras Strategik 4 – Pemerkasaan Pengurusan Ilmu dan Maklumat	38
Teras Strategik 5 – Pengukuhan Penyiaran	42
Teras Strategik 6 – Pengukuhan Penjenamaan	44
Teras Strategik 7 – Tadbir Urus Cemerlang	50
Teras Strategik 8 – Pembangunan Modal Insan Berprestasi Tinggi	56
Teras Strategik 9 – Pengukuhan Kewangan dan Pemasaran	66
Teras Strategik 10–Pengukuhan ICT	72
ELEMEN PENENTU KEJAYAAN	
Modal Insan	76
Sumber Dana atau Sumber Kewangan	76
Sistem dan Prosedur Kerja	76
Infrastruktur	76
Penambahbaikan Berterusan	77
Tadbir Urus yang Terbaik	77
Sokongan dan Kerjasama Pelbagai Pihak	77

MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN	
Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik	79
Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik IKIM	80
Keanggotaan Jawatankuasa Kerja	81
MELANGKAH KE HADAPAN	
PENUTUP	

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH



Y.Bhg. Prof. Datin Dr. Azizan bt. Baharuddin

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea dan tenaga bagi menghasilkan Pelan Strategik IKIM 2016 hingga 2020.

Pelan Strategik ini melakarkan agenda perancangan IKIM dalam mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan iaitu “Untuk menjadi institusi utama kefahaman Islam bertaraf antarabangsa”.

Sebagai sebuah institusi pemikir yang bermatlamat memberi dan menyebarkan kefahaman Islam secara global kepada masyarakat Islam dan bukan Islam, IKIM sentiasa berusaha memelihara kesucian agama Islam dengan memberi kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat.

Pelan Strategik IKIM 2016 hingga 2020 ini telah digubal selaras dengan dasar dan aspirasi negara di samping memperkasa program transformasi IKIM. Ia mengambil kira wawasan dan cabaran yang perlu dihadapi mengikut peredaran semasa seiring dengan agenda transformasi nasional. Ia menitik beratkan tanggungjawab yang perlu digalas serta tindakan-tindakan strategik yang perlu diambil bagi memastikan matlamat penubuhan IKIM tercapai.

Sesungguhnya kejayaan sesebuah organisasi memerlukan semangat kerja berpasukan yang jitu serta fokus kepada aspirasi organisasi. Saya menyeru seluruh warga kerja IKIM untuk terus memberi komitmen dan mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran baharu demi mengangkat perkhidmatan organisasi kita ke peringkat antarabangsa.

Harapan saya semoga warga kerja IKIM dapat menghayati dan menterjemahkan Pelan Strategik ini ke dalam program serta pelan tindakan bagi menyokong Visi dan Misi IKIM secara menyeluruh.

.....
Datuk. Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik IKIM (PSI) adalah satu pelan yang menggariskan secara bersepadu perancangan tempoh lima (5) tahun mulai 2016 hingga 2020. Pelan ini bertujuan untuk memperjelaskan fungsi IKIM yang bertanggungjawab memberi kefahaman Islam kepada orang Islam dan bukan Islam.

PSI merupakan *blueprint* bagi memandu perancangan dan pelaksanaan program, projek, aktiviti dengan menggembelng sumber-sumber yang ada ke arah mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

PSI ini juga menghuraikan cabaran, nilai-nilai bersama, teras strategik dan pelan tindakan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, akademik, latihan, penerbitan, pengurusan ilmu dan maklumat, penjenamaan, pengukuhan tadbir urus dan pembangunan sumber yang akan dilaksanakan untuk tempoh 2016 hingga 2020 bagi menzahirkan visi dan misi yang digariskan.

Sebanyak sepuluh (10) teras strategik telah dikenalpasti iaitu:

TERAS STRATEGIK
Teras Strategik 1 – Penyelidikan dan Perundingan Bermanfaat Besar
Teras Strategik 2 – Kecemerlangan Program Akademik, Perundingan dan Latihan
Teras Strategik 3 – Penerbitan Karya yang Bermutu Tinggi
Teras Strategik 4 – Perneriksaan Pengurusan Ilmu dan Maklumat
Teras Strategik 5 – Pengukuhan Penyiaran
Teras Strategik 6 – Pengukuhan Penjenamaan
Teras Strategik 7 – Tadbir Urus Cemerlang
Teras Strategik 8 – Pembangunan Modal Insan Berprestasi Tinggi
Teras Strategik 9 – Pengukuhan Kewangan dan Pemasaran
Teras Strategik 10–Pengukuhan ICT

Sepuluh (10) matlamat tersebut telah diterjemahkan melalui lima puluh sembilan (59) objektif strategik sebagaimana terkandung dalam Pelan Strategik IKIM 2016 hingga 2020.

Bagi mencapai kejayaan sepuluh (10) matlamat dan lima puluh satu (51) objektif strategik tersebut, Pelan Strategik IKIM telah menggariskan Pelan Tindakan yang mempunyai pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi, sasaran dan petunjuk prestasi selari dengan Visi dan Misi IKIM.

LATAR BELAKANG

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan pada 18 Februari 1992 didaftarkan sebagai syarikat berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 di bawah naungan Kerajaan Malaysia, untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan sebagai sebuah badan yang tidak bermotifkan keuntungan untuk menyebarkan dan meningkatkan kefahaman Islam sebenar yang menjadi asas dan tunjang kepada pemupukan dan kemajuan peradaban Islam dan dunia. Ia dirasmikan pada 3 Julai 1992 oleh YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia.

IKIM dibimbing oleh barisan Lembaga Pengarah yang ahli-ahlinya yang terdiri daripada tokoh-tokoh sektor awam dan swasta. Sumber kewangan IKIM adalah geran kerajaan, sumbangan, tajaan, dana penyelidikan serta sumber-sumber yang lain.

Program dan aktiviti IKIM didokong oleh empat (4) komponen utama yang terdiri daripada **Pusat-pusat Kajian, Pusat Media, Bahagian Ekonomi & Pemasaran dan Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan.**

PUSAT-PUSAT KAJIAN

Pusat-Pusat Kajian IKIM serta tumpuan dan luasan kajian terdiri daripada:

Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS)

- ❖ Ekonomi
- ❖ Kewangan
- ❖ Pengurusan
- ❖ Pendidikan
- ❖ Kesihatan Mental
- ❖ Isu Kemasyarakatan

Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK)

- ❖ Syariah dan Undang-undang
- ❖ Perbandingan dan Pengharmonian Undang-undang
- ❖ Politik dan Hubungan Antarabangsa
- ❖ Hak Asasi Manusia
- ❖ Pandangan Alam Islam
- ❖ Hubungan Antara Penganut Agama

Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS)

- ❖ Teori dan Sosiologi Ilmu
- ❖ Sejarah dan Falsafah Sains
- ❖ Sains, Nilai dan Etika
- ❖ Pendidikan Sains
- ❖ Alam Sekitar & Kelestarian
- ❖ Sains Kesihatan
- ❖ Kajian Masa Depan

PUSAT MEDIA

Pusat Media IKIM telah diwujudkan pada 22 Februari 2013. Radio IKIMfm dan internet tvIKIM telah digabungkan di bawah operasi pusat ini. Penjenamaan Pusat Media memberi kekuatan kepada IKIM untuk menyampaikan mesejnya.

IKIMfm dilancarkan pada 6 Julai 2011 oleh YABhg. Tun Mahathir b. Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia. Bersiaran 24 jam sehari, IKIMfm diiktiraf oleh *The Malaysia Book of Records* sebagai stesen radio digital Islam pertama sepenuhnya di Malaysia. IKIMfm juga dapat diikuti di seluruh pelusok dunia melalui Radio Dalam Talian di www.ikimfm.my.

Internet tvIKIM dilancarkan pada 12 Julai 2012 sempena sambutan 20 tahun penubuhan IKIM. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YABhg. Tun Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi, Pengerusi IKIM. Kewujudan Internet tv IKIM merupakan salah satu medium untuk mengukuhkan penyampaian kefahaman Islam dengan lebih berkesan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam.

Tag line “Rangkaian Kefahaman Islam” adalah merupakan kekuatan Internet tvIKIM ini yang berasaskan keilmuan. Selain siaran rancangan IKIMfm secara visual, tv IKIM menengahkan perbincangan yang meluas meliputi isu-isu besar, serius dan menyentuh kepentingan umat Islam.

TvIKIM turut menerbitkan CD dan DVD seminar, muzakarah dan rancangan IKIMfm, penerbitan bahan produksi TV, penerbitan bahan audio visual untuk web tvIKIM dan *podcasting* tvIKIM. Pelbagai bahan audio ini dapat dikongsi ke seluruh pelusuk dunia, dengan hanya melayari www.tvikim.gov.my.


Bahagian Ekonomi & Pemasaran

Bahagian Ekonomi & Pemasaran (BEP) ditubuhkan pada 1 Oktober 2016. BEP memberi tumpuan kepada aspek penjanaan pendapatan IKIM dengan meneroka pelbagai peluang perniagaan baharu dan sedia ada serta memasarkan produk-produk IKIM di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan

Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan (BKP & KEW) berperanan memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam aspek pentadbiran, pengurusan kewangan, sumber manusia dan prasarana supaya aktiviti dan program IKIM dapat dilaksanakan dengan jayanya.

STRUKTUR ORGANISASI IKIM



FUNGSI

- ❖ Menjalankan penyelidikan dan perundingan dari sudut pandangan kerohanian yang menyeluruh dan bersepadu mengenai peranan Islam dan umatnya dalam menghadapi hakikat semasa yang timbul akibat dari perubahan di peringkat global;
- ❖ Menyediakan satu forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisa isu-isu yang menjadi kepentingan dan keperihatinan bersama;
- ❖ Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam mengenai isu-isu global yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung terhadap umat Islam dan negara-negara Islam; dan
- ❖ Menjadi sumber maklumat kepada umat Islam seluruh dunia untuk membantu menyumbang ke arah penggubalan dasar-dasar peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.


Untuk mencapai matlamat penubuhan, IKIM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- ❖ Penyelidikan dan perundingan;
- ❖ Penganjuran seminar, persidangan meja bulat, muzakarah pakar, bengkel latihan, dialog dan lain-lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- ❖ Penerbitan buku dan jurnal;
- ❖ Penyebaran kefahaman Islam melalui media cetak dan elektronik; dan
- ❖ Perhubungan dan kerjasama dengan organisasi tempatan dan luar negara.

PUNCA KUASA


- ❖ Keputusan Jemaah Menteri Tahun 1991
- ❖ Akta Syarikat 1965
- ❖ Memorandum & Artikel IKIM
- ❖ Akta Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia
- ❖ Pekeliling/Surat Pekeliling IKIM
- ❖ Undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan

PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



HALA TUJU STRATEGIK





VISI

Untuk Menjadi Institusi Utama Kefahaman Islam Bertaraf Antarabangsa.

MISI

- ❖ Menjalankan penyelidikan yang bermanfaat besar dalam disiplin ilmu terpilih dengan menggunakan pelbagai kepakaran, sumber serta jaringan kerjasama bagi menghasilkan produk ilmiah melalui gerak kerja sistematik;

- ❖ Memelihara, meningkat dan menyebarkan kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat melalui penganjuran program, penyiaran dan penerbitan pelbagai hasil ilmiah dengan memanfaatkan kepakaran, pengurusan sumber yang berkesan dan rangkaian kerjasama strategik; dan
- ❖ Memberi khidmat nasihat dan perundingan yang bermutu dan berkesan kepada pemegang taruh melalui penggemblengan kepakaran, sistem, rangkaian kerjasama dan sumber secara optimum.

GAGASAN

“Memahami Islam Membina Peradaban”.

Sebagai agama fitrah, Islam sesuai untuk semua manusia di muka bumi ini. Al-Quran mengemukakan tiga prinsip utama dalam menyusun dan membina peradaban iaitu kebenaran, keadilan dan kasih sayang. Penghayatan prinsip-prinsip ini akan melahirkan masyarakat yang hidup sejahtera, harmoni dan saling hormat-menghormati. Islam juga harus difahami sebagai agama (al-din) yang mendidik dan bukan semata-mata menghukum.

Membina peradaban umat manusia merupakan wawasan besar yang wajib di dukong oleh semua pihak. Peradaban akan terbentuk melalui ilmu pengetahuan yang dihayati sepenuhnya. Ilmu yang benar akan memajukan masyarakat dalam semua bidang kehidupan.

IKIM akan terus komited menyampaikan ilmu pengetahuan melalui perbincangan ilmiah dari semasa ke semasa dari pelbagai sudut seperti sosiobudaya, ekonomi, politik, perundangan, hubungan antara agama, alam sekitar serta sains dan teknologi.

NILAI-NILAI BERSAMA

Bagi mencapai tahap kecemerlangan prestasi, warga IKIM sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai bersama berikut:

ILMU

- Ilmu merupakan pemahaman bermakna ataupun sesuatu yang memberikan makna kepada individu apabila bersumberkan maklumat yang benar.

HIKMAH

- Hikmah bererti kebijaksanaan dan kepandaian. Tujuan sebenar yang berpandangan jauh di sebalik sesuatu perkara.

ADAB

- Keperibadian yang menghayati sifat-sifat mahmudah dan menghindari sifat-sifat madhmumah, bertertib akal dan budi, dan berperilaku yang betul.

AMANAH

- Amanah adalah sifat bertanggungjawab terhadap tugas atau kepercayaan yang diterima seseorang bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya.

ADIL


- Pengertian adil adalah peri menunaikan hak semua orang menurut kewajibannya. Adil adalah suatu sikap yang tidak memihak tanpa berdasarkan ilmu yang sebenar dan tidak ada pilih kasih.

TAQWA

- Taqwa merupakan sifat takut kepada Allah S.W.T dan berhati-hati dalam tindakan kerana menyakini pengawasan Allah dalam setiap tindakan.

SASARAN KECEMERLANGAN IKIM

IKIM berhasrat untuk menjadi Institusi kefahaman utama bertaraf antarabangsa pada tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, satu pelan strategik yang komprehensif telah dirangka agar menjelang 2020 beberapa kejayaan berjaya dicapai. Antara sasaran kecemerlangan IKIM menjelang 2020 ialah:



SENARIO PERSEKITARAN



CABARAN SEMASA DAN MENDATANG

Sebagai badan yang mengambil berat soal kelangsungannya, IKIM perlu bersedia secukupnya untuk mendepani bukan sahaja cabaran-cabaran lingkungan semasanya tetapi juga ujian-ujian pada masa-masa mendatang. Dalam persediaannya ini, IKIM pasti perlu mengambil iktibar daripada pengalaman silam dengan memanfaatkan dan menggilap yang baik sambil menjadikan yang buruk sebagai pengajaran dan sempadan.

Dengan berpaksikan semangat “Memahami Islam, Membina Peradaban”, IKIM harus berubah mengikut peredaran zaman tanpa sama sekali menggadai prinsip-prinsip dan ketetapan Islam. Malah, ajaran-ajaran kekal dalam Islam inilah yang menjadi teras pemandu dalam **Agenda Transformasi IKIM** demi mengupayakannya mengharungi siri-siri perubahan tanpa tersasar dari dasar-dasar yang tetap dalam Islam. Malah, pemastian agar keharmonian dalam kerangka Islami terbentuk antara gesaan untuk berubah dan tuntutan untuk kekal merupakan cabaran sepanjang masa bagi IKIM, termasuk dalam menentukan **Hala Tuju Strategiknya**.

Selain itu, dalam usahanya menyebarkan dan memupuk kefahaman yang benar tentang Islam, IKIM selepas lebih dua dekad penubuhannya perlu dapat memberikan teladan yang tepat dalam menterjemahkan prinsip-prinsip Islam pada tingkat-tingkat, atau dalam dimensi-dimensi, strategik kehidupan. Misalnya, pemerian masyarakat Islam sebagai “umat yang adil” (*ummatan wasatan*) memerlukan kandungan dan rupa bentuk yang bersesuaian dengan keadaan dan masalah abad ke-21. Malah, dalam menjayakan usaha yang dimaksudkan di atas, IKIM perlu menangani bukan sahaja penularan persepsi yang salah dan keliru tetapi juga cengkaman kefahaman yang cetek dan dangkal, perihal Islam. Juga mencabar bagi IKIM adalah pengenalpastian dan pengambilan langkah-langkah berkesan ke arah pemberdayaan umat Islam untuk mengambil tempat mereka yang jelas bermaruah dalam peradaban manusia pada peringkat global. Tantangan generasi dan teknologi baharu, termasuk media sosial, turut perlu dihadapi IKIM dengan efektif demi memastikan kefahaman Islam yang betul tersemam kukuh dan tersebar luas dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia.

Sebagai badan Islam yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia, IKIM bertanggungjawab mengusahakan pemahaman dan pelaksanaan Islam sebagai Agama Persekutuan, selain menjajarkan langkah-langkahnya dengan agenda Kerajaan seperti Rancangan Malaysia Kesebelas, serta Dasar-dasar dan Akta-akta negara. Antara yang berkait langsung dengan usaha IKIM adalah Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, khasnya matlamat murni untuk melahirkan insan yang bersepadu, seimbang, serta berdaya tahan dan saing yang tinggi; Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran sekaligus penegasan Kerajaan terhadap penjagaan *Maqasid Shar'iyah* dan prinsip *Wasatiyyah* dalam membela nasib Umat Islam di samping mengendali kehidupan masyarakat majmuk Malaysia; Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Sosial Negara yang merangkum keutamaan penghayatan akhlak dan nilai-nilai murni serta budaya hormat-menghormati sebagai satu daripada Rukun Negara; serta Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Sains dan Teknologi Negara. Malah, bersesuaian dengan dasar-dasar yang disebutkan di atas, antara langkah-langkah yang telah IKIM mulakan adalah: (1) projek pemupukan *Fiqh al-Ta'amul* (Fiqh Interaksi) ke arah pembudayaan kehidupan harmonis dalam masyarakat pelbagai agama dan bangsa di Malaysia; (2) rancangan pemupukan *Fiqh al-Bi'ah* (Fiqh Alam Sekitar) ke arah pembangunan lestari yang akan merangkum usaha-usaha untuk memupuk amalan dan gaya hidup hijau (seperti pembudayaan tertib 3R: *reduce, reuse and recyle*) dan menyemarakkan penghasilan dan penggunaan teknologi mapan; dan (3) rencana pemerkasaan *al-Fiqh al-Akbar* (Fiqh Induk atau Utama) ke arah penobatan Akal-Budi serta Daya-Fikir umat dan peningkatan kadar "Celik Sains" (*science literacy*) masyarakat dalam kerangka kefahaman Islam, demi pemeliharaan kualiti hidup masyarakat dan penghebatan daya tahan dan saing negara dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi dan perdagangan.

STRATEGI & PELAN TINDAKAN



TERAS STRATEGIK 1 - PENYELIDIKAN & PERUNDINGAN BERMANFAAT BESAR

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN		PELAKSANA										
				FASA 1 (2016-2018)	FASA 2 (2016-2018)											
1.	Membentuk Pasukan Penyelidik Bertaraf Antarabangsa;	Jumlah aktiviti penglibatan penyelidik IKIM dalam program/ persidangan/ jawatankuasa/ mesyuarat pada peringkat antarabangsa.	<p>Penghantaran/ jemputan seorang penyelidik ke program/ persidangan/jawatankuasa/ mesyuarat pada peringkat antarabangsa bagi setiap pusat setiap tahun.</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>2016</td> <td>2017</td> <td>2018</td> <td>2019</td> <td>2020</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	3	3	3	3	3	Memantau program-program akademik (persidangan dan seminar) yang dianjurkan pada peringkat antarabangsa mengikut bidang pengkhususan.		Ketua Pengarah Tim. Ketua Pengarah Pengarah Akademik Ketua Unit Program
		2016	2017	2018	2019	2020										
3	3	3	3	3												
Jumlah hasil penyelidikan yang melibatkan IKIM diterbitkan	<p>1 artikel jurnal berwasit atau lain-lain bentuk penerbitan seperti Bab dalam Buku dalam bahasa Inggeris bagi setiap Pusat Akademik diterima untuk penerbitan</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>2016</td> <td>2017</td> <td>2018</td> <td>2019</td> <td>2020</td> </tr> <tr> <td>9</td> <td>9</td> <td>9</td> <td>9</td> <td>9</td> </tr> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	9	9	9	9	9	<p>Pembentangan sinopsis penulisan jurnal tahun mendatang dalam Mesyuarat Pengukuhan dan Pemantapan Bahagian Akademik bagi Fellow dan ke atas.</p>		Pengarah Akademik Ketua Editor Pengarah Akademik Ketua Unit Kualiti, Pematuhan dan Prasarana		
2016	2017	2018	2019	2020												
9	9	9	9	9												
				Mencapai 5% penerbitan dalam jurnal berwasit dan lain-lain bentuk penerbitan.	Telah mencapai 10% penerbitan dalam jurnal berwasit dan lain-lain bentuk penerbitan.	Pegawai Akademik										

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN		PELAKSANA										
				FASA 1 (2016-2018)	FASA 2 (2016-2018)											
		Jumlah penyelidik IKIM yang berkelulusan PhD dan yang setara dengannya.	Minimum 25% penyelidik IKIM memiliki kelulusan Phd atau pengalaman kerja yang setara dengannya. <table border="1" data-bbox="862 502 1339 619"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	1	1	1	1	1	Mewujudkan mekanisme untuk memantau kelancaran proses melanjutkan pengajian pada peringkat Phd secara berkala dan tersusun. Pengambilan baru akan mengutamakan penyelidik berkelulusan PhD dan penyelidik IKIM sedia ada akan digalakkan untuk menyambung pengajian pada peringkat Phd	Pengambilan 3 orang penyelidik berkelulusan PhD dan atau pengalaman kerja yang setara dengannya	Ketua Pengarah Tim. Ketua Pengarah Pengarah Akademik Pengarah BKP & Kew Ketua Unit Sumber Manusia
2016	2017	2018	2019	2020												
1	1	1	1	1												
2.	Mempelopori Bidang Penyelidikan Berstrategi dan Bermanfaat Besar;	Jumlah bidang tumpuan penyelidikan strategik dan perundingan.	Sekurang-kurangnya tiga (3) bidang tumpuan utamapenyelidikan diusulkan setiap tahun. <table border="1" data-bbox="862 1117 1321 1233"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	3	3	3	3	3	Sasaran bidang tumpuan penyelidikan utama dijadikan sebagai agenda semakan setahun sekali dalam Mesyuarat Pengukuhan dan Pemantapan Bahagian Akademik.	Pengarah Akademik Setiausaha Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Unit Kualiti, Pematuhan dan Prasarana	II. Mempelopori Bidang Penyelidikan Berstrategi dan Bermanfaat Besar;
2016	2017	2018	2019	2020												
3	3	3	3	3												

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA								
3.	Mempertingkatkan Jaringan Kerja Strategik;	Jumlah hasil penyelidikan relevan untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>).	Sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah kajian yang telah selesai diterbitkan atau/dan dihantar kepada agensi penggubal dasar yang berkaitan dengan kajian	Dimasukkan sebagai senarai semak pengedaran hasil kajian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik.	Pengarah Akademik Akademik Setiausaha Jawatankuasa Akademik.								
		Jumlah MoU yang berjaya diterjemahkan ke dalam bentuk kerjasama penyelidikan, perundingan atau program akademik	Sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti bagi setiap MoU dilaksanakan setiap tahun. <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	1	1	1	1	1
2016	2017	2018	2019	2020									
1	1	1	1	1									
4.	Mempergiat dan Memperluas Promosi dan Pemasaran Kepakaran dan Hasil Penyelidikan;	Peningkatan jumlah liputan media mengenai kepakaran dan hasil penyelidikan.	Peningkatan 10% daripada jumlah liputan sedia ada sepanjang 5 tahun.	Penjadualan pendedahan di media. Mempelbagaikan platform media yang bertepatan dengan tema, penonton, dan pendekatan. Mewujudkan CV Online bagi semua ahli akademik yang boleh dicapai oleh pihak luar.	Ketua Unit Perhubungan Korporat Pengaruh Pusat Media Pengaruh Akademik Ketua Penyelidik BEP ICT								
		Jumlah hasil penyelidikan yang dihantar kepada penggubal dasar.	Melaporkan sekurang-kurangnya sinopsis setiap kajian yang telah selesai kepada pihak berkepentingan. <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	3	3	3	3	3
2016	2017	2018	2019	2020									
3	3	3	3	3									

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN		PELAKSANA								
				FASA 1 (2016-2018)	FASA 2 (2016-2018)									
5.	Mengoptimumkan Penggunaan Sistem Pengurusan Maklumat dan Peruntukan Penyelidikan; dan	Pangkalan data kepakaran yang terkini yang boleh dicapai oleh ahli akademik IKIM.	Peningkatan 5% data kepakaran.	Mencadangkan nama-nama kepakaran kepada Unit Program. Mewujudkan infrastruktur ICT yang cekap bagi pengemaskinian dan capaian kepada pengkalan data		Pengarah Pusat Akademik Pengarah Pusat Media Ketua Unit ICT Ketua Unit Program								
		Tempoh masa pengemaskinian pengkalan data.	Dikemas kini setiap tiga bulan sekali.	Menyelaras dan mengemas kini dalam pengkalan data kepakaran.										
		Jumlah bajet penyelidikan yang diluluskan dibelanjakan.	Peruntukan penyelidikan yang mencukupi setiap tahun. <table border="1" data-bbox="846 863 1413 975"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>260000</td> <td>150000</td> <td>150000</td> <td>150000</td> <td>150000</td> </tr> </tbody> </table> Penyelidikan berbelanjawan menggunakan 75% daripada bajet penyelidikan yang telah diperuntukan.	2016	2017	2018	2019	2020	260000	150000	150000	150000	150000	Menetapkan belanjawan dalam kertas cadangan penyelidikan. Meningkatkan permohonan peruntukan dana penyelidikan dalam Mesyuarat Bajet Tahunan. Pemantauan berterusan penggunaan dana penyelidikan bagi memastikan dana penyelidikan digunakan secara optimum. Mengoptimumkan penggunaan Pembantu Penyelidik yang berkecukupan dalam mencapai hasil kajian bermutu.
2016	2017	2018	2019	2020										
260000	150000	150000	150000	150000										

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA										
6.	Menjadi Sumber Rujukan di Peringkat Tertinggi dalam Bidang Kepakaran Masing-masing	Jumlah keanggotaan dalam jawatankuasa/ majlis/penasihat badan-badan/agensi-agensi yang berkaitan dalam dan luar negara.	<p>Jumlah rujukan sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli akademik IKIM menganggotai jawatankuasa/ majlis/penasihat badan-badan/agensi-agensi yang berkaitan dalam dan luar negara.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	3	3	3	3	3	Mempertingkatkan kualiti dan impak penyelidikan dan penerbitan ahli akademik IKIM supaya mencapai tahap kepakaran dalam bidang masing-masing.	Pegawai Akademik
2016	2017	2018	2019	2020											
3	3	3	3	3											

TERAS STRATEGIK 2 - KECEMERLANGAN PROGRAM AKADEMIK, PERUNDINGAN & LATIHAN

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																																								
1.	Memperkasa program akademik di peringkat kebangsaan, serantau dan Antarabangsa serta program latihan. Program akademik dan latihan tersebut seharusnya merangkumi isu-isu dan cabaran-cabaran semasa demi mengupayakan masyarakat untuk mendepaninya;	Jumlah program akademik setahun	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Program</th> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Akademik</td> <td>Kebangsaan</td> <td>10</td> <td>9</td> <td>8</td> <td>8</td> <td>8</td> </tr> <tr> <td>Serantau</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>A/bangsa</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Unit Perundingan</td> <td>Latihan</td> <td>10</td> <td>10</td> <td>12</td> <td>14</td> <td>16</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> </tr> </tbody> </table>	Program		2016	2017	2018	2019	2020	Akademik	Kebangsaan	10	9	8	8	8	Serantau	1	2	2	2	2	A/bangsa	1	1	2	2	2	Unit Perundingan	Latihan	10	10	12	14	16	Jumlah		12	12	12	12	12	<ol style="list-style-type: none"> Sinopsis program tahun berikutnya perlu disediakan pada bulan Oktober untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Retreat Akademik. Program kerja IKIM perlu siap pada 31 Disember tahun sebelumnya. Kertas konsep yang lengkap hendaklah diluluskan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum program untuk program kebangsaan dan tiga (3) bulan untuk program serantau dan antarabangsa. Senarai pembentang gantian hendaklah disediakan bersama kertas konsep. Senarai peserta perlu dikenalpasti dalam tempoh 2 minggu selepas kertas konsep diluluskan. Setiap pusat akademik perlu mencadangkan sekurang-kurangnya satu (1) tajuk seminar antarabangsa dan serantau setiap tahun untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa Akademik. 	<p>Pengarah Pusat Akademik</p> <p>Ketua Unit Program</p>
Program		2016	2017	2018	2019	2020																																							
Akademik	Kebangsaan	10	9	8	8	8																																							
	Serantau	1	2	2	2	2																																							
	A/bangsa	1	1	2	2	2																																							
Unit Perundingan	Latihan	10	10	12	14	16																																							
Jumlah		12	12	12	12	12																																							

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																														
2.	Menyebarkan hasil program Akademik kepada pihak-pihak yang berkepentingan;	Jumlah Laporan Hasil Program Akademik yang diserahkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kebangsaan</td> <td>10</td> <td>9</td> <td>8</td> <td>8</td> <td>8</td> </tr> <tr> <td>Serantau</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>A/bangsa</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>12</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Kebangsaan	10	9	8	8	8	Serantau	1	2	2	2	2	A/bangsa	1	1	2	2	2	Jumlah	12	12	12	12	12	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyelaras perlu menyediakan laporan/rumusan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh program berlangsung. 2. Laporan yang disediakan hendaklah dalam bentuk ringkasan eksekutif yang lebih menjurus kepada objektif program. 3. Pengarah Pusat perlu mengesahkan ringkasan eksekutif yang disediakan oleh ahli pusatnya. 4. Penyelaras perlu mengenalpasti pihak-pihak yang berkepentingan yang boleh memanfaatkan ringkasan eksekutif tersebut. 5. Apabila pihak-pihak berkepentingan telah dikenalpasti, cadangan-cadangan daripada program akademik tersebut hendaklah dihantar dengan dalam tempoh 6 bulan selepas program. 6. Memantau setiap laporan yang dihantar ke pihak-pihak yang berkepentingan. 	Pengarah Pusat Akademik Ketua Unit Program
	2016	2017	2018	2019	2020																														
Kebangsaan	10	9	8	8	8																														
Serantau	1	2	2	2	2																														
A/bangsa	1	1	2	2	2																														
Jumlah	12	12	12	12	12																														

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																		
3.	Meningkatkan kefahaman Islam melalui program akademik dan latihan	Peningkatan skor setahun (berdasarkan Borang Maklum Balas Peserta).	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>3.8</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4	4.1	4.2	4.3	4.4	Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3	<ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan mekanisme pengukuran tahap kefahaman Islam yang sesuai. Penyelaras perlu memastikan kandungan program hendaklah mampu meningkatkan kefahaman Islam para peserta melalui pemilihan tajuk dan pembentang yang sesuai. 	Ketua Unit Program Perunding Korporat
			2016	2017	2018	2019	2020																
Program Akademik	4	4.1	4.2	4.3	4.4																		
Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3																		
Jumlah kehadiran peserta.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>1700</td> <td>2000</td> <td>2300</td> <td>2600</td> <td>2900</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>600</td> <td>700</td> <td>800</td> <td>900</td> <td>1000</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	1700	2000	2300	2600	2900	Latihan	600	700	800	900	1000	<ol style="list-style-type: none"> Unit Program perlu melaporkan jumlah peserta untuk kedua-dua program ini. Unit Program dan Unit Perhubungan Korporat perlu mempergiatkan penyebaran usaha-usaha promosi program bagi meningkatkan jumlah kehadiran peserta. 	Ketua Unit Program Ketua Unit PR Penyertaan Program		
	2016	2017	2018	2019	2020																		
Program Akademik	1700	2000	2300	2600	2900																		
Latihan	600	700	800	900	1000																		

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																		
		Bilangan Program bagi meningkatkan peserta bukan Islam .	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>4</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4	4	4	4	4	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenal pasti usaha-usaha untuk meningkatkan bilangan peserta bukan Islam dengan mencari penajaan atau melalui jemputan khas atau kerjasama dengan badan-badan agama yang berkaitan. 	Pengarah Pusat Akademik Ketua Unit Program						
	2016	2017	2018	2019	2020																		
Program Akademik	4	4	4	4	4																		
4.	Memantapkan kualiti perkhidmatan program akademik & latihan	Pencapaian Skor Maklumbalas Peserta: Keseluruhan	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>3.8</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4	Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan input akademik, latihan dan khidmat pengurusan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa. 	Pengarah Pusat Akademik Perunding Korporat Ketua Unit Program
			2016	2017	2018	2019	2020																
		Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4																
Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3																		
Pencapaian Skor Maklum balas Peserta: Objektif Program.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>3.8</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4	Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan kandungan program sesuai dengan objektif program. 	Penyelaras program		
	2016	2017	2018	2019	2020																		
Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4																		
Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3																		
Pencapaian Skor Maklum balas Peserta: Pembentang.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>3.8</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4	Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memantapkan kriteria pemilihan pembentang. 2. Mewujudkan pangkalan data pakar-pakar akademik/jurulatih. 3. Mengukuhkan kemahiran penyampaian dalam kalangan ahli akademik/jurulatih. 	Ketua Unit Program Perunding Korporat Pengarah Pusat Akademik		
	2016	2017	2018	2019	2020																		
Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4																		
Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3																		

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																		
		Pencapaian Skor Maklum balas Peserta: Prasarana.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Program Akademik</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> <td>4.4</td> </tr> <tr> <td>Latihan</td> <td>3.8</td> <td>4.0</td> <td>4.1</td> <td>4.2</td> <td>4.3</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4	Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyelaras perlu turut sama semasa gotong-royong. 2. Menambah baik dan memantapkan kemudahan seperti dewan, ICT, tandas, surau dan system audio. 3. Mewujudkan system pemeriksaan berkala. 4. Memastikan senarai semak UKPP dan ICT dilaksanakan secara optimum. 	Ketua Unit Program Perunding Korporat Ketua UKPP
	2016	2017	2018	2019	2020																		
Program Akademik	4.0	4.1	4.2	4.3	4.4																		
Latihan	3.8	4.0	4.1	4.2	4.3																		

TERAS STRATEGIK 3 - PENERBITAN KARYA YANG BERMUTU TINGGI

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA										
1.	Peningkatan kualiti karya bercetak (buku)	Jumlah judul buku yang berjaya mendapat pengiktirafan.	<p>1. Mendapat pengiktirafan/ anugerah, sekurang-kurangnya setiap tahun memenangi 1 anugerah (e.g. ABN, MAPIM-KPM).</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	1	1	1	2	2	<ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan kualiti kandungan buku dgn. cara meningkatkan kemahiran penulis dalaman Membuat perolehan manuskrip daripada penulis berkualiti daripada luar (termasuk university). Meningkatkan kualiti suntingan (<i>volume editor & copy editor</i>) dengan penganjuran bengkel-bengkel kemahiran yang berkaitan. Meningkatkan kemahiran pereka (<i>designer</i>) melalui latihan ke arah peningkatan kualiti reka bentuk. Meningkatkan kualiti bahan (kertas). 	<p>Ketua Penerbit Ketua Penerbit Ketua HR</p> <p>Ketua Penerbit IKIM, <i>Volume Editor, Copy Editor</i> & Ketua HR</p> <p>Ketua Penerbit</p> <p>Ketua Penerbit</p> <p>Ketua Penerbit IKIM, <i>Volume Editor, Copy Editor</i> & Ketua HR</p>
2016	2017	2018	2019	2020											
1	1	1	2	2											

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																														
				6. Mengawal selia mutu percetakan buku. 7. Menghantar pencalonan bagi setiap Anugerah yang berkaitan.																															
2.	Pempelbagaian kategori/ <i>genre</i> buku yang berpotensi untuk dijual;	1 .Jumlah buku dalam <i>genre</i> bacaan umum/ popular. 2. Bilangan terjemahan buku-buku IKIM yang laris ke dalam bahasa lain. 3.Jumlah pakej atau siri diwujudkan	(i) Judul buku karya asli genre bacaan umum/ popular untuk setiap tahun. <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>-</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>-</td> <td>-</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	1	1	1	2	2	2016	2017	2018	2019	2020	-	1	1	2	2	2016	2017	2018	2019	2020	-	-	1	2	2	1. Mengumpul bahan daripada IKIMfm dan TVIKIM. a. Diterbitkan sendiri oleh IKIM b. Diterbitkan melalui kerjasama strategik dengan rakan/badan lain 2. Mengkaji peluang untuk terjemahan buku-buku laris IKIM ke bahasa-bahasa antarabangsa/silang terjemah. 3. Mewujudkan pakej atau siri seperti Islam dan Pemakanan dll bermula tahun 2018.	1. Ketua Penerbit Pengarah Pusat Media Pengurus Rancangan Radio Pengurus TvIKIM Ketua Penerbit Ketua Penerbit BEP
2016	2017	2018	2019	2020																															
1	1	1	2	2																															
2016	2017	2018	2019	2020																															
-	1	1	2	2																															
2016	2017	2018	2019	2020																															
-	-	1	2	2																															

KOD	OBJEKTIF STRATEGIK	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA																														
		4. Bilangan olahan baharu (inovatif) karya terbitan IKIM sedia ada	<table border="1"> <tr> <td>2016</td> <td>2017</td> <td>2018</td> <td>2019</td> <td>2020</td> </tr> <tr> <td>-</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>2</td> </tr> </table>	2016	2017	2018	2019	2020	-	1	1	2	2	4. Mengkaji peluang untuk mengolah terbitan IKIM sedia ada menjadi karya baharu dengan nilai tambah untuk khalayak baru.	Ketua Penerbit BEP																				
2016	2017	2018	2019	2020																															
-	1	1	2	2																															
3.	Pengoptimuman penggunaan sumber-sumber sedia ada dalam proses penerbitan buku	1. Pengurangan tempoh penerbitan.	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.Tempoh Penyuntingan</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 Hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-22 hari</td> </tr> <tr> <td>2.Tempoh Proses Penyediaan Pruf Pertama</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> </tr> <tr> <td>3.Tempoh Bacaan Pruf</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> <td>14-30 hari</td> </tr> <tr> <td>4.Penerbitan TAFHIM</td> <td>Okt</td> <td>Okt</td> <td>Sept</td> <td>Sept</td> <td>Ogos</td> </tr> </tbody> </table>		2016	2017	2018	2019	2020	1.Tempoh Penyuntingan	14-30 hari	14-30 Hari	14-30 hari	14-30 hari	14-22 hari	2.Tempoh Proses Penyediaan Pruf Pertama	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	3.Tempoh Bacaan Pruf	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	14-30 hari	4.Penerbitan TAFHIM	Okt	Okt	Sept	Sept	Ogos	<p>1. Menyemak proses kerja sedia ada ke arah mengurangkan tempoh penerbitan.</p> <p>} Perlu disemak semula setelah SOP Penerbitan dimuktamadkan</p> <p>}Perlu disemak semula setelah SOP Penerbitan dimuktamadkan</p> <p>} Perlu disemak semula setelah SOP Penerbitan dimuktamadkan</p> <p>2) Membangunkan matriks tugas staf Penerbit IKIM dan mengemaskini borang</p>	<p>Ketua Penerbit/Unit Editorial</p> <p>Ketua Penerbit Ketua USM</p>
	2016	2017	2018	2019	2020																														
1.Tempoh Penyuntingan	14-30 hari	14-30 Hari	14-30 hari	14-30 hari	14-22 hari																														
